



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

KENYATAAN MEDIA

PEMBETULAN BERHUBUNG ARTIKEL “MEDAC BINCANG, BANTU SUSUN SEMULA PEMBIAYAAN USAHAWAN TERJEJAS COVID-19”

Merujuk kepada liputan berita bertajuk “MEDAC bincang, bantu susun semula pembiayaan usahawan terjejas COVID-19” yang telah disiarkan pada 2 April 2022.

Saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mengadakan perbincangan berhubung proses penyusunan atau penjadualan semula pembiayaan usahawan yang terjejas akibat COVID-19 bersama **Bank Rakyat dan SME Bank**. Untuk makluman, pihak Maybank tidak terlibat dalam sesi tersebut sepertimana yang dinyatakan dalam artikel.

Selain itu, bagi penggunaan akronim Kementerian ini, KUSKOP telah digunakan secara rasmi menggantikan MEDAC sejak 14 Mac 2022. Pertukaran akronim ini adalah selaras dengan dasar baharu kerajaan sekaligus menyahut saranan YAB Perdana Menteri untuk memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam setiap urusan rasmi kerajaan.

TAN SRI NOH HAJI OMAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
4 APRIL 2022